



BANCI EKONOMI 2023

STATISTIK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

STATISTIK UTAMA



BILANGAN PERTUBUHAN
3,007 pertubuhan



PERBELANJAAN R&D
RM12,813.0 juta



OUTPUT KASAR
RM1,549.8 bilion



INPUT PERANTARAAN
RM1,099.3 bilion



NILAI DITAMBAH
RM450,376 juta



BILANGAN PEKERJA
1,125,838 orang



GAJI & UPAH
RM65,709.4 juta



HARTA TETAP
RM663,401.6 juta

PERBELANJAAN R&D MENGIKUT SEKTOR



Pertanian

RM9.9 juta
● (0.1%)



Perlombongan
& pengkuarian

RM453.0 juta
● (3.5%)



Pembuatan

RM9,498.9 juta
● (74.1%)



Pembinaan

RM9.5 juta
● (0.1%)




Perkhidmatan

RM2,841.6 juta
● (22.2%)

PENYUMBANG TERTINGGI PERBELANJAAN R&D MENGIKUT NEGERI




Selangor



RM2,589.0 juta




W.P. Kuala Lumpur



RM2,171.2 juta




Pulau Pinang



RM1,832.1 juta




Johor



RM1,784.4 juta



Kedah



RM772.6 juta

Peratus sumbangan

Nota: R&D: Penyelidikan & Pembangunan

Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Banci Ekonomi 2023 merekodkan perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berjumlah RM12.8 bilion, melibatkan 3,007 pertubuhan

- Sejumlah 3,007 **pertubuhan** yang terlibat dengan aktiviti R&D merentasi semua sektor pada tahun 2022. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang tertinggi dengan komposisi 73.6 peratus (2,214 pertubuhan), diikuti oleh Perkhidmatan dengan 24.8 peratus (746 pertubuhan) dan Perlombongan & pengkuarian sebanyak 0.6 peratus (18 pertubuhan). Sementara itu, Pembinaan menyumbang 0.5 peratus (15 pertubuhan) dan Pertanian mewakili sebanyak 0.5 peratus (14 pertubuhan).
- Jumlah **perbelanjaan R&D** merekodkan sebanyak RM12,813.0 juta pada tahun 2022, dengan sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak RM9,498.9 juta atau 74.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Perkhidmatan yang mencatatkan sebanyak RM2,841.6 juta (22.2%) dan Perlombongan & pengkuarian sebanyak RM453.0 juta (3.5%). Sementara itu, sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing merekodkan perbelanjaan R&D sebanyak RM9.9 juta (0.1%) dan RM9.6 juta (0.1%).
- Selangor mencatatkan perbelanjaan R&D tertinggi pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM2,589.0 juta (20.2%). Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM2,171.2 juta (16.9%) dan Pulau Pinang, RM1,832.1 juta (14.3%). Seterusnya, Johor dan Kedah masing-masing merekodkan perbelanjaan R&D sebanyak RM1,784.4 juta (13.9%) dan RM772.6 juta (6.0%). Secara keseluruhan, lima negeri tersebut telah menyumbang RM9,149.3 juta atau 71.4 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan R&D.
- **Nilai output kasar** yang dijana oleh pertubuhan terlibat dalam aktiviti R&D berjumlah RM1,549.8 bilion yang didominasi oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 82.8 peratus atau RM1,283.0 bilion. Ini diikuti oleh Perkhidmatan dengan RM152.3 bilion (9.8%) dan Perlombongan & pengkuarian, RM108.1 bilion (7.0%). Sementara itu, output kasar bagi Pertanian dan Pembinaan masing-masing merekodkan nilai RM4.0 bilion (0.3%) dan RM2.4 bilion (0.2%).
- Sejajar dengan sumbangannya kepada output kasar, sektor Pembuatan turut kekal menerajui **nilai ditambah** dengan sumbangan 59.2 peratus atau RM266.5 bilion daripada jumlah keseluruhan RM450.4 bilion. Ini diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian yang merekodkan RM94.1 bilion (20.9%), Perkhidmatan menyumbang RM86.6 bilion (19.2%) serta Pertanian mencatatkan RM2.5 bilion (0.6%).



Banci Ekonomi 2023 merekodkan perbelanjaan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berjumlah RM12.8 bilion, melibatkan 3,007 pertubuhan

- Seramai 1,125,838 **orang telah diambil bekerja** oleh pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti R&D di seluruh Malaysia pada tahun 2022. Sektor Pembuatan merekodkan bilangan pekerja tertinggi iaitu 935,940 orang (83.1%), diikuti oleh Perkhidmatan iaitu 163,317 orang (14.5%) dan Perlombongan & pengkuarian seramai 13,073 orang (1.2%).
- Jumlah **gaji & upah** yang dibayar pada tahun 2022 merekodkan nilai sebanyak RM65.7 bilion. Sektor Pembuatan mencatatkan jumlah gaji & upah dibayar tertinggi sebanyak RM48.5 bilion (73.8%), diikuti oleh Perkhidmatan sebanyak RM12.9 bilion (19.6%) dan Perlombongan & pengkuarian merekodkan gaji & upah sebanyak RM4.0 bilion (6.0%).
- **Nilai harta tetap** yang dimiliki oleh pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti R&D berjumlah RM663.4 bilion. Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai harta tetap tertinggi dengan RM248.6 bilion (37.5%), diikuti oleh Pembuatan sebanyak RM210.6 bilion (31.7%) dan Perlombongan & pengkuarian, RM200.8 bilion (30.3%).

